BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Perutusan Gabenor

Industri takaful terus menunjukkan daya tahan dan prestasi yang mantap pada tahun 2005, dalam persekitaran kewangan yang semakin mencabar dan kompetitif. Unsur-unsur persaingan yang dihadapi industri takaful ekoran liberalisasi kewangan, kemajuan teknologi, dan pengharapan pengguna yang lebih besar telah menjadi pemangkin kepada pembangunan produk yang inovatif, perkhidmatan yang efektif dan proses operasi yang bertambah efisien. Penggunaan saluran agihan yang efektif, strategi pelaburan yang dinamik dan kesedaran orang ramai yang lebih tinggi tentang takaful telah menjadi pendorong kepada pertumbuhan industri takaful selanjutnya. Industri takaful mencatat pertumbuhan pendapatan caruman yang digabungkan yang memberangsangkan sebanyak 18.8%, iaitu pertumbuhan tertinggi dalam masa tiga tahun dengan peningkatan jumlah aset selanjutnya sebanyak 16.9%. Ini memperkukuh lagi potensi takaful sebagai pengantaraan kewangan yang kompetitif.

Dalam persekitaran kewangan yang pesat berubah ini, industri takaful perlu mempunyai kemampuan untuk beralih ke bidang baru yang industri ini mempunyai kelebihan berbanding dalam menghadapi keadaan yang berubah-ubah, serta dengan pantas mengambil kesempatan daripada peluang-peluang baru yang muncul. Pengendali takaful kini terbukti telah mencapai kejayaan yang besar dalam penawaran produk yang lebih inovatif dan dalam pelaksanaan strategi agihan pelbagai saluran yang dinamik seiring dengan usaha untuk terus memacu pertumbuhan perniagaan. Industri takaful juga telah mencapai kemajuan yang penting ke arah melengkapi insurans konvensional dalam meningkatkan penembusan pasaran. Ini dilakukan melalui aktiviti promosi dan program kesedaran pengguna yang lebih giat mengenai kepentingan perlindungan takaful dalam perancangan kewangan dan pengurusan kekayaan secara keseluruhan. Kesemua usaha tersebut perlu dipertingkatkan lagi supaya industri takaful dapat terus meningkatkan momentum pertumbuhannya pada masa hadapan. Pakatan kolaboratif pintar atau strategik dengan rakan kongsi tempatan atau asing serta memupuk kesetiaan dan pengekalan pelanggan yang lebih teguh akan memperkukuh usaha untuk mencapai matlamat ini.

Dari aspek pengawalseliaan, langkah-langkah dasar yang dilaksanakan pada tahun 2005 terus menekankan peningkatan daya tahan sektor takaful melalui memperbaiki infrastruktur keinstitusian dan kecekapan operasi, memperkukuh tadbir urus korporat dan pengurusan risiko, dan juga memastikan penyeliaan dan pengawasan yang efektif. Empat lesen takaful baru telah dikeluarkan kepada usaha sama atau konsortium institusi kewangan tempatan dan asing yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam perbankan Islam, takaful atau perniagaan insurans. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan pengendali takaful yang kukuh, kompetitif dan dinamik yang berupaya untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang perniagaan yang berkembang, di dalam dan luar negara. Ini seterusnya akan mengukuhkan lagi kemantapan industri takaful Malaysia. Ia juga akan meningkatkan perhubungan dengan pasaran antarabangsa. Pengawalseliaan pengantara takaful juga dipertingkatkan lagi bagi menyokong pengendali takaful berfungsi dengan berkesan di samping memastikan keteguhan dan kestabilan industri.

Inisiatif-inisiatif dasar Bank Negara Malaysia juga tertumpu secara asasnya pada peningkatan keberkesanan struktur kawalan dalaman pengendali takaful, khususnya dalam bidang tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko. Untuk mencapai matlamat ini, Bank Negara Malaysia telah mempertingkatkan sistem maklumat secara keseluruhan bagi memperkukuh tadbir urus dan terus menyelia pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Syariah. Satu set kriteria kelayakan bagi pelantikan juruaudit telah diperkenalkan untuk menyemai profesionalisme dalam pengauditan pengendali takaful. Usaha juga

tertumpu ke arah mengukuhkan keupayaan industri takaful mengurus risiko yang berkaitan dengan proses operasi keseluruhannya dengan berkesan. Inisiatif ini dilengkapi dengan pelaksanaan rangka kerja penyeliaan berdasarkan risiko yang dipertingkatkan bagi memantapkan lagi penilaiannya terhadap profil risiko keinstitusian dan amalan pengurusan risiko pengendali takaful. Selain langkah kawalan dalaman, Bank Negara Malaysia juga memperkenalkan langkah bagi meningkatkan keefisienan operasi pengendali takaful bagi meningkatkan potensi prestasi industri takaful.

Melangkah ke hadapan, industri takaful boleh menjangka persekitaran yang lebih kompetitif. Dalam persekitaran yang mencabar ini, inovasi merupakan salah satu daripada faktor-faktor utama untuk meraih kelebihan bersaingan. Perhatian yang lebih besar perlu diberikan bagi meningkatkan kapasiti untuk berinovasi dalam bidang pembangunan produk, perkhidmatan dan keefisienan operasi keseluruhannya. Sokongan modal intelek merupakan salah satu faktor penting yang mampu memacu inovasi dan seterusnya menyumbang kepada kejayaan organisasi dalam jangka panjang. Ketersediaan pakar yang mempunyai kepakaran teknikal untuk mengunderait semua jenis risiko takaful, termasuk risiko yang kompleks dan khusus, akan membolehkan pengendali takaful mengembangkan lagi perniagaan dan dengan demikian memaksimumkan bendungan caruman mereka. Oleh itu, usaha ke arah pembangunan dan latihan kepakaran yang berterusan dalam bidang yang berkaitan adalah sangat perlu. Sesungguhnya, industri boleh memanfaatkan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) yang baru ditubuhkan untuk membangunkan ahli profesional dan pakar dalam bidang takaful. Pembangunan modal insan adalah penting untuk mengukuhkan kebolehan dan keupayaan industri.

Usaha gigih untuk membangunkan industri takaful yang kompetitif, dinamik dan berdaya tahan di peringkat domestik dan global adalah hasil gabungan iltizam dan usaha bersama antara pengawal selia, industri dan para peserta pasaran. Ini bertujuan melahirkan pengendali takaful bertaraf dunia yang progresif serta mampu menjadi pemimpin dalam bidang takaful dan dengan itu menggalakkan pembangunan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

19 April 2006